

TARIKH : 5 APRIL 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23

Pelaburan China rangsang sektor pembuatan, ekonomi digital



Penganalisis sifatkan pelaburan bawa limpahan pertumbuhan dalam pelbagai industri tempatan

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Pelaburan besar dari China bakal rangsang sektor pembuatan berteknologi tinggi dan ekonomi digital yang berpotensi memberi manfaat kepada pertumbuhan pelbagai industri tempatan.

Penganalisis Public Investment Bank Bhd, Chin Li Shan, berkata meskipun butiran mengenai pelaburan berjumlah RM170 bilion hasil lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke China masih belum

jelas, ia bagaimanapun berpotensi membawa limpahan kepada industri hartanah, pembinaan dan elektrik dan elektronik.

"Kami menjangkakan potensi aliran masuk modal dari China yang akan memanfaatkan sektor pembuatan, diikuti ekonomi digital yang memberi limpahan kepada pertumbuhan industri hartanah bukan kediaman, bangunan perindustrian, pusat data serta perdagangan khas seperti kerja tanah dan aktiviti pembinaan," katanya dalam nota penyelidikan.

Li Shan berkata, sebagai imbasan, nilai kerja yang dilaksanakan merekodkan pertumbuhan sebanyak 8.8 peratus tahun ke tahun daripada paras negatif dalam tempoh dua tahun lalu, dirangsang penambahbaikan merentasi semua aktiviti segmen pembinaan.

"Pemulihan paling kukuh dalam segmen hartanah bukan kediaman dan perdagangan khas yang masing-masing melonjak 18.7 peratus dan 19.6 peratus

tahun ke tahun.

"Jumlah aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) bersih tertinggi direkodkan pada tahun lalu berjumlah RM273.1 bilion, membentuk peningkatan 12.9 peratus berbanding tahun sebelumnya," katanya.

Secara keseluruhan, beliau menjelaskan, perkembangan itu adalah sesuatu yang positif, walaupun Public Investment Bank percaya aliran masuk FDI berpotensi itu tidak akan memperlihtakan kesan serta-merta kepada aktiviti sektor berkaitan.

"Kami menjangkakan aktiviti akan meningkat pada separuh kedua tahun ini dan seterusnya sebagai tambahan kepada pelancaran MRT3 ditambah dengan langkah mempercepatkan projek infrastruktur awam di Sabah dan Sarawak," katanya.

Pelaburan berpotensi

Anwar bersama dalam lawatan rasminya ke China berjaya menghasilkan pelaburan berpotensi bernilai RM170 bilion.

Lawatan selama empat hari itu menyaksikan pemeteraian 19 memorandum persefahaman (MoU) antara syarikat China dan Malaysia.

Antara perbincangan yang diadakan adalah mengenai Inisiatif Belt and Road (BRI) yang bermula seawal 2013.

Pada November 2016, usaha BRI kembali rancak apabila Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Najib Razak menandatangani 14 MoU, hasil lawatan rasminya ke Beijing.

Sejumlah 14 MoU itu meliputi pelbagai sektor daripada kereta api, pelabuhan, hartanah, pembuatan keluli, kewangan, pembuatan sel solar, sarang burung, e-dagang, farmaseutikal dan teknologi maklumat.

Setakat ini, hanya dua projek bernilai RM280 bilion daripada 11 projek BRI utama, iaitu projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) dan Bandar Malaysia ditamatkan susulan isu kemampuan hutang kerajaan.

Walaupun dengan penamatan

projek, pelaksanaan projek BRI diluluskan membawa impak bersih yang positif kepada sektor ini secara keseluruhan.

Selepas lawatan Najib ke Beijing, nilai projek yang diperoleh meningkat 4.9 peratus secara purata tahun ke tahun pada 2017 hingga 2019.

Ia sejajar pertumbuhan FDI bersih dari China yang menyaksikan peningkatan purata 222.8 peratus tahun ke tahun pada 2017 hingga 2019.

"Selain itu, kami juga melihat pertumbuhan ketara dalam kerja kejuruteraan awam pada 2017 hingga 2019, yang masing-masing meningkat 17.9 peratus, 18.6 peratus dan 8.3 peratus dengan kami berpendapat sebahagian besarnya dikaitkan dengan FDI China.

"Pelaburan tertumpu terutama pada projek infrastruktur pengangkutan selaras dengan objektif BRI untuk meningkatkan perdagangan serantau melalui ketersambungan rantaian bekalan," kata Li Shan.